BPK CREDIT & LEASING SDN. BHD.

lwn.

R. RAMACHANDRAN;
KOPERASI PENGGUNA MALAYSIA BHD. (GARNISI)

HIGH COURT MALAYA, KUALA LUMPUR
NIK HASHIM J
[RAYUAN NO: R3-12-97]
25 FEBRUARI 1997

PROSEDUR SIVIL: *Rayuan - Deposit jaminan untuk kos rayuan - Kelewatan membayar - Perlanjutan masa - Kuasa Mahkamah - Faktor-faktor untuk pertimbangan - Alasan kelewatan dijelaskan secukupnya - Samada mencukupi untuk membenarkan perlanjutan masa - Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980, A. 3 k. 5(1)(2), A. 49 k. 2(5)*

PROSEDUR SIVIL: *Rayuan - Deposit jaminan untuk kos rayuan - Kelewatan membayar - Perlanjutan masa - Prinsip-prinsip - Alasan kesempitan wang - Samada boleh dipertimbangkan - Kegagalan mendakwa sebagai orang miskin - Samada memudaratkan - Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980, A. 9A, A. 3 k. 5(1)(2), A. 49 k. 2(5)*

PROSEDUR SIVIL: *Perintah penggantungan - Penggantungan pelaksanaan penghakiman - Penggantungan prosiding garnismen mutlak - Prinsip-prinsip - Samada hal budibicara Mahkamah - Samada perlu ditunjukkan kewujudan keadaan yang khas - Isu functus officio - Samada tak relevan - Samada berbeza dengan permohonan untuk mengubah suatu perintah - Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980, A. 49 k. 4*

Pada 18 Mei 1995, perayu telah memperolehi penghakiman di Mahkamah Sesyen berjumlah RM85,457.02 beserta faedah terhadap responden. Responden merayu terhadap penghakiman ini dan telah memfailkan notis rayuan dalam masa yang ditetapkan. Responden, bagaimanapun, gagal untuk membayar deposit sebanyak RM250 sebagai jaminan untuk kos rayuan dalam hadmasa yang ditetapkan, dan berikutan itu, pada 21 Disember 1995, Mahkamah Sesyen memaklumkan kepada responden bahawa rayuannya itu telah dianggap sebagai luput.

Kegagalan responden untuk membayar deposit jaminan di atas adalah semata-mata disebabkan oleh faktor kesempitan wang. Fakta bagaimanapun menunjukkan bahawa, pada 20 Julai 1996, berhubung tindakan yang diambil oleh

responden terhadap majikannya kerana pemecatan salah, Mahkamah Persekutuan telah mengawardkan kepada responden gantirugi sejumlah RM489,800. Namun begitu, selepas pemberian award ini, perayu telah berjaya memperolehi satu perintah garnismen untuk menahan sejumlah RM156,705.20 daripada jumlah award tersebut. Responden telah memohon supaya diberikan perlanjutan masa untuk membayar deposit jaminan sebanyak RM250 tersebut, dan meneruskan rayuannya itu. Juga dipohon supaya pelaksanaan penghakiman Mahkamah Sesyen bertarikh 18 Mei 1995 dan prosiding garnismen yang dimulakan oleh perayu di atas digantung sehingga selesai penentuan akhir rayuan responden ke Mahkamah Tinggi. Yang Arif Hakim Sesyen membenarkan kesemua permohonan responden, dan perayu, dengan itu telah merayu kepada Hakim dalam Kamar.

Diputuskan:

[1] Mahkamah mempunyai budibicara yang tidak menghalang untuk memberi atau menolak sesuatu permohonan untuk perlanjutan masa, dan boleh melanjutkan masa sekiranya alasan kelewatan telah dijelaskan secukupnya. Dalam kes ini Mahkamah Sesyen mempunyai kuasa untuk melanjutkan masa berdasarkan A. 3 k. 5(1) & (2) Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980.

[2] Penerangan lewat membuat bayaran atas alasan tidak bekerja, dan mempunyai isteri yang juga tidak bekerja serta tanggungan anak bersekolah adalah bukan suatu alasan yang nipis dan ringan yang boleh ditolak begitu sahaja.

[2a] Kesempitan kewangan yang dihadapi oleh responden ialah suatu nasib malang yang benar. Kelewatan sebelas bulan untuk memasukkan permohonan perlanjutan masa dalam hal keadaan kes ini, yang mana telah dijelaskan oleh responden dengan nyata dan memuaskan, adalah suatu tempoh yang tidak begitu lewat dan masih boleh diterima sebagai sebab yang munasabah dan mencukupi bagi maksud mengenai masa di bawah A. 49 k. 2(5) KKMR 1980.

[3] Kegagalan responden menggunakan peruntukan di bawah A. 9A KKMR untuk mendakwa sebagai orang miskin adalah tidak memudaratkan. Ianya tidak menjadi parah kerana responden bukanlah seorang peguam dan beliau pula tidak diwakili peguam ketika itu. Kejahilan responden berhubung peruntukan A. 9A dan kegagalan beliau menggunapakai peruntukan tersebut tidak boleh diterima dengan sendirinya sebagai suatu alasan untuk menolak permohonan perlanjutan masa.

[4] Berhubung kebenaran penggantungan pelaksanaan penghakiman dan prosiding garnismen mutlak, fakta menunjukkan bahawa dalam kes ini responden telah memasukkan permohonan bertulis untuk penggantungan. Isu *functus officio* adalah tidak berkaitan dengan kes ini. Penggantungan pelaksanaan adalah berbeza dengan dan bukanlah suatu permohonan untuk mengubah atau mengenepikan sesuatu perintah. Penghakiman dan prosiding garnismen tidak menjadi terjejas dengan perintah penggantungannya. Di bawah A. 49 k. 4 KKMT 1980 Mahkamah Sesyen adalah berkuasa untuk membenarkan penggantungan tersebut.

[5] Responden tidak perlu menunjukkan kewujudan keadaan yang khas sebelum perintah penggantungan dapat diberi. Pertimbangan utama yang mempengaruhi sesuatu permohonan untuk penggantungan pelaksanaan atau prosiding ialah bahawa rayuan pihak responden, jika berjaya, tidak akan menjadi tidak berguna. Dalam kes ini, responden telah menunjukkan kebimbangan atas kerugian sebanyak RM177 yang dialami oleh perayu. Kemungkinan pihak perayu tidak boleh membayar jika responden menang rayuannya adalah suatu alasan yang boleh diterima dan mencukupi untuk pelaksanaan digantungkan. Rayuan responden juga bukanlah tidak bermerit. Status quo pihak-pihak dengan itu perlulah dikekalkan.

[Rayuan ditolak. Perintah Mahkamah di bawah dikekalkan.]

Kes-kes yang dirujuk:

R Rama Chandran v. The Industrial Court of Malaysia & Anor. [1997] 1 CLJ 147 ***(dirujuk)***

Ong Guan Teck & Ors. v. Hijjas [1982] 1 MLJ 105 ***(dirujuk)***

Pearson v. Chen Chien Wen Edwin [1991] 3 MLJ 208 ***(dirujuk)***

Haji Mohamed bin Suboh v. Devadas [1981] 1 MLJ 136 ***(dirujuk)***

Scott & English (M) Sdn. Bhd. v. Leikie Refrigeration & Stainless Steel Industries Sdn. Bhd. & Ors. [1993] 3 MLJ 137 ***(dirujuk)***

MUI Bank Bhd. v. Cheah Kim Yu (Beh Sai Ming, Intervener) [1992] 4 CLJ 2229 ***(dirujuk)***

See Teow Guan & Ors. v. Kian Joo Holdings Sdn. Bhd. & Ors. [1995] 3 MLJ 598 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:

Akta Sewabeli 1967, ss. 2(1), 16(1)

Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980, A. 3 k. 5(1), (2), A. 9A, A. 49 kk. 2(5)(b), 4

Bagi pihak perayu - Freda Santhiago; T/n. Abdul Ghani & Assocs.
Bagi pihak responden - Dato' V.K. Lingam; T/n. V.K. Lingam & Co.
Bagi pihak Garnisi - Trevor De Silva; T/n. Shook Lin & Bok

PENGHAKIMAN

Nik Hashim J:

Ini ialah suatu rayuan kepada Hakim di dalam kamar oleh perayu/plaintif (perayu) terhadap keputusan Tuan Hakim Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur pada 16 Disember 1996 di mana Hakim tersebut telah membenarkan:

1. Perlanjutan masa untuk responden/defendan no. 2 (responden) mendepositkan jaminan untuk kos rayuan RM250 dan menghidupkan semula rayuan yang telah luput; dan

2. Penggantungan pelaksanaan penghakiman dan providing garnismen yang mutlak.

Latarbelakang kes ini berpunca pada 18 Mei 1995 apabila perayu/plaintif telah memperolehi penghakiman dalam Mahkamah Sesyen terhadap responden/defendan 1 dan 2 untuk jumlah RM85,457.02 berserta faedah pada kadar 8% setahun dari 1 Mei 1987 hingga tarikh penjelasan dan kos di atasnya. Pihak responden/defendan 2 (responden) telah memfailkan notis rayuan terhadap penghakiman tersebut dalam masa yang ditetapkan. Sementara itu rekod rayuan telah disediakan. Melalui surat bertarikh 21 Disember 1995, Pendaftar Mahkamah Sesyen menyatakan oleh kerana deposit sebanyak RM250 sebagai jaminan untuk kos rayuan tidak dibayar oleh responden dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan Borang 141 mengikut A. 49 k. 2(5)(b) Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 (KKMR) rayuan responden dianggap telah luput.

Responden tidak dapat membayar deposit tersebut pada masa itu kerana dia tidak bekerja akibat dipecat kerja oleh majikannya Malaysian Co-operative Consumer Society Ltd. (MCCS) pada 30 April 1980 sebagai pengurus kanan bahagian MCCS. Responden telah mencabar pemecatan itu di Mahkamah Perusahaan dan tidak berjaya. Mahkamah Tinggi juga telah menolak rayuannya. Akan tetapi pada 20 Julai 1996 Mahkamah Persekutuan telah membenarkan rayuannya, dan mengawardkan responden gantirugi sebanyak RM489,800 seperti dilapurkan dalam *R Rama Chandran v. The Industrial Court of Malaysia & Anor*. [1997] 1 CLJ 147; [1997] 1 AMR 433 FC. Pada 9 Ogos 1996 perayu telah memperolehi satu perintah garnismen untuk menahan jumlah wang sebanyak RM156,705.20 daripada jumlah RM489,800 yang telah diawardkan itu. Atas permohonan responden, Mahkamah Sesyen melalui perintahnya bertarikh 16 Disember 1996, telah meluluskan perlanjutan masa untuk responden membayar deposit RM250 sebagai jaminan untuk kos rayuan dan rayuan responden dihidupkan semula. Dan juga diperintahkan pelaksanaan penghakiman

Mahkamah Sesyen dalam Guaman Sivil (MS/KL/2406/88) bertarikh 18 Mei 1995 dan prosiding garnismen (MS/KL/2406/84) digantung sehingga selesai penentuan akhir rayuan responden ke Mahkamah Tinggi. Oleh itu, perayu merayu terhadap perintah-perintah tersebut di atas.

Keperluan untuk mendepositkan jaminan untuk kos rayuan adalah diperuntukkan di bawah A. 49 k. 2(5) Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 seperti berikut:

> Dalam masa 14 hari dari penerimaan pemberitahuan itu, perayu hendaklah, melainkan jika, kerana sebab yang mencukupi di perintahkan selainnya oleh Mahkamah -
>
> (a) ...
>
> b) menyerahsimpan di Mahkamah yang terhadapnya rayuan dibuat sejumlah wang sebanyak dua ratus lima puluh ringgit, atau sejumlah wang yang kurang daripada itu sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah dalam apa-apa hal, sebagai jaminan untuk kos rayuan.

Dalam mempertimbangkan sesuatu permohonan untuk perlanjutan masa, Mahkamah mempunyai budibicara yang tidak menghalang untuk memberi atau menolak permohonan itu. Y.A. Hashim Yeop A. Sani H (beliau ketika itu) dalam *Ong Guan Teck & Ors. v. Hijjas* [1982] 1 MLJ 105 di m.s. 106 berkata:

> It is trite law that the Court has an unfettered discretion to grant or refuse an extension of time.

Faktor-faktor seperti (a) tempoh kelewatan, (b) alasan kelewatan, (c) merit dan (d) prejudice kepada pihak perayu seperti yang dinyatakan dalam *Pearson v. Chen Chien Wen Edwin* [1991] 3 MLJ 208 walaupun merupakan faktor-faktor yang boleh digunakan sebagai rangka kerja dalam menjalankan budibicara, namun begitu, Mahkamah boleh melanjutkan masa sekiranya alasan kelewatan telah dijelaskan secukupnya (sila lihat *Haji Mohamed bin Suboh v. Devadas* [1981] 1 MLJ 136). Dalam kes ini, Mahkamah Sesyen mempunyai kuasa untuk melanjutkan masa: A. 3 k. 5(1) & (2) KKMR 1980.

Freda Santhiago bagi pihak perayu telah berhujah bahawa kelewatan responden memfailkan permohonan lanjutan masa sebelas bulan selepas luput tarikh notis rayuan atas kesempitan wang adalah bukan suatu alasan yang baik dan boleh diterima. Lagipun responden tidak mengguna peruntukan A. 9A KKMR untuk mendakwa sebagai orang miskin.

Manakala Dato' V.K. Lingam bagi pihak responden dalam hujahnya telah berkata bahawa Mahkamah Sesyen adalah betul apabila membenarkan

perlanjutan masa dan kegagalan pihak responden, tidak mengunapakai A. 9A tidak menjadi parah kerana beliau bukanlah seorang Peguam.

Selepas mendengar hujah-hujah kedua belah pihak dan menyemak afidavit-afidavit serta rekod, saya tidak ada sebab mengapa saya tidak boleh terima keputusan Mahkamah Sesyen apabila ia membenarkan permohonan perlanjutan masa bagi bayaran jaminan untuk kos RM250 dan menghidupkan semula rayuan responden.

Penerangan lewat membuat bayaran atas alasan tidak bekerja, dan mempunyai isteri yang juga tidak bekerja serta tanggungan anak bersekolah, pada pandangan saya, adalah bukan suatu alasan yang nipis dan ringan (flimsy) (*Haji Mohamed, supra.*) yang boleh ditolak begitu sahaja. Kesempitan kewangan yang dihadapi oleh responden ialah suatu nasib malang (misfortune) yang benar. Kelewatan 11 bulan untuk memasukkan permohonan perlanjutan masa dalam hal keadaan kes ini yang mana telah dijelaskan oleh pihak responden dengan nyata dan memuaskan adalah suatu tempoh, pada hemat saya, yang tidak begitu lewat dan masih boleh diterima sebagai sebab yang munasabah dan mencukupi bagi maksud mengenai masa di bawah A. 49 k. 2(5) KKMR 1980.

Kegagalan responden menggunakan peruntukan di bawah A. 9A tidak memudaratkan dan ianya tidak menjadi parah, kerana responden bukanlah seorang Peguam dan beliau pula tidak diwakili Peguam ketika itu. Kejahilan responden atas peruntukan A. 9A dan mengunapakaikannya tidak boleh diterima dengan sendirinya sebagai suatu alasan untuk menolak permohonan perlanjutan masa.

Mengenai isu kebenaran penggantungan pelaksanaan penghakiman dan prosiding garnismen mutlak, pihak perayu menyatakan penggantungan sedemikian tidak boleh dibuat dan oleh itu salah kerana Mahkamah Sesyen telah pun *functus officio* dalam perkara-perkara tersebut. A. 49 k. 4 KKMR 1980 memperuntukkan:

> Pemfailan suatu notis rayuan tidaklah boleh berkuatkuasa sebagai penggantungan pelaksanaan, tetapi Mahkamah boleh, atas permohonan dan apabila sebab yang mencukupi ditunjukkan, menggantung pelaksanaan atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan patut.

Dalam kes ini, pihak responden telah memasukkan permohonan bertulis untuk penggantungan. Pada hemat saya, isu *functus officio* tidak berkaitan dengan kes ini. Penggantungan pelaksanaan adalah berbeza dan bukanlah merupakan suatu permohonan untuk mengubah sesuatu perintah (*Scott & English (M) Sdn. Bhd. v. Leikie Refrigeration & Stainless Steel Industries Sdn. Bhd. & Ors.* [1993] 3 MLJ 137) atau untuk mengenepikan sesuatu perintah (*MUI Bank Bhd. v. Cheah Kim Yu (Beh Sai Ming, Intervener)* [1992] 4 CLJ 2229; [1992] 2 MLJ 642). Penghakiman dan prosiding garnismen mutlak tidak menjadi

terjejas dengan perintah penggantungannya. Di bawah A. 49 k. 4 KKMT 1980 Mahkamah Sesyen adalah berkuasa untuk membenarkan penggantungan tersebut.

Pihak responden juga berhujah bahawa pihaknya tidak perlu menunjukkan keadaan yang khas mesti wujud sebelum perintah penggantungan dapat diberi. Pertimbangan utama yang mempengaruhi suatu permohon untuk penggantungan pelaksanaan atau prosiding ialah bahawa rayuan pihak responden jika berjaya, tidak akan menjadi tidak berguna.

Dengan hormat, saya bersetuju dengan hujah tersebut. Y.A. Gopal Sri Ram HMR dalam Mahkamah Rayuan dalam *See Teow Guan & Ors. v. Kian Joo Holdings Sdn. Bhd. & Ors.* [1995] 3 MLJ 598 di m.s. 599 telah memutuskan:

> ... Whether such an order ought to be granted is entirely within the discretion of the Court ... there is no need for the applicant to demonstrate special circumstances to warrant a stay of execution. The paramount consideration governing an application for a stay of execution or proceedings ... is that the appeal, if successful, should not be rendered nugatory.

Dalam kes ini, pihak responden telah menunjukkan kebimbangan atas kerugian yang dialami oleh perayu sebanyak RM177 juta lebih seperti tercatat di m.s. 116 perenggan 3 dan m.s. 120 perenggan 3 rekod rayuan. Kemungkinan pihak perayu tidak boleh membayar jika responden menang rayuannya adalah suatu alasan yang boleh diterima dan mencukupi untuk perlaksanaan digantungkan. Status quo pihak-pihak adalah penting dan perlu dikekalkan sehingga selesai rayuan responden itu dan penggantungan pelaksanaan patut diberi layanan. Rayuan responden bukanlah tidak bermerit. Beliau mempertikaikan atas tafsiran perjanjian asal sewabeli di bawah ss. 2(1) dan 16(1) Akta Sewabeli 1967. Responden telah didakwa atas isu gerenti. Selain dari itu, tindakan perayu sebagai plaintif tidak mengambil balik barangan elektrik kerana tidak pasti mengenai pembayaran ansuran, dalam pandangan saya, adalah isu-isu yang dipertikaikan dan patut dibicarakan.

Atas alasan-alasan yang telah dinyatakan, saya dapati perayu gagal menunjukkan bahawa Tuan Hakim Mahkamah Sesyen telah silap dalam melaksanakan budibicaranya apabila beliau membenarkan permohonan responden. Dalam penghakiman saya, Mahkamah Sesyen tidak silap dalam hal itu. Oleh yang demikian, saya tolak rayuan pihak perayu dengan kos.

Dilaporkan oleh WA Sharif